

MAHATHIR - SYARAT

KOTA KINABALU, 29 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAMAD BERKATA HARI INI, KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK BERNIAT MENGHAPUSKAN SYARAT-SYARAT KHAS KEMASUKAN SABAH DAN SARAWAK HE DALAM MALAYSIA 26 TAHUN LALU, SELAGI KEDUA-DUA NEGERI ITU MERASA MASIH MEMERLUKAN PERLINDUNGAN DARIPADANYA.

BELIAU BERKATA BAHAWA SYARAT-SYARAT ITU DIPERSETUJUI PADA MASA ITU KERANA RAKYAT SABAH DAN SARAWAK MERASA PERLU DILINDUNGI.

+SELAGI RAKYAT SABAH DAN SARAWAK KHUATIR HAK MEREKA AKAN TERJEJAS KITA TIDAK BERNIAT MENGHAPUSKAN SYARAT-SYARAT KHAS ITU.

+BILA TELAH ADA NANTI RASA KEBANGSAAN YANG TEBAL DAN TIDAK ADA LAGI KECURIGAAN TERHADAP RAKYAT DARI SEMENANJUNG KITAMUNGKIN AKAN BERBINCANG MENGENAINYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI, SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SETELAH KUNJUNGAN LIMA JAM.

SEMASA DISINI BELIAU MERASMIKAN PEMBUKAAN KONGRES PART1 BERSATU SABAH (PBS).

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH' DITANYA SAMA ADA, SESUDAH LEBIH SESUKU ABAD SABAH DAN SARAWAK MERDEKA DALAM MALAYSIA, SYARAT-SYARAT KHAS ITU YANG DIANGGAP OLEH SESETENGAH PIHAK MENGHALANGI INTEGRASI NASIONAL SEPENUHNYA, AKAN DIHAPUSKAN. -- LAGI.

1736MST 29 09 89

U 6418 DEB
MAHATHIR - SYARAT 2 KOTA KLNABALU

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA USAHA MEWUJUDKAN PERPADUAN NASIONAL YANG PENUH MEMANG TIDAK MUDAH KERANA PERBEZAAN YANG BANYAK DAN JARAK FIZIKAL YANG BERJAUHAN ANTARA SEMENANJUNG DENGAN SABAH DAN SARAWAK.

NAMUN DEMIKIAN, SECARA BERANSUR-ANSUR TELAH BANYAK KEJAYAAN DICAPAI KE ARAH ITUDALAM PELBAGAI BIDANG, TAMBAH BELIAU.

+HUBUNGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI ADALAH BAIK. YANG KURANG DAN MASIH PERLU DIGALAKKAN IALAH HUBUNGAN ANTARA RAKYAT,+ KATANYA.

MENGENAI MASALAH PENDATANG HARAM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HAL ITU TELAH DIBINCANGKANNYA DENGAN KETUA MENTERI, DATUK SERI JOSEPH PAIRIN KITINGAN.

+MEREKA AKAN KITAHANTAR BALIK DAN PASUKAN PETUGAS YANG TELAH DITUBUHKAN KHUSUS UNTUK ITU AKAN MENGAJI SEGALA ASPEK MASALAH INI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEADAAN FIZIKAL PANTAI MALAYSIA MEMBUAT PIHAK BERKUASA SUKAR MENJAGA SELURUH SEMPADAN DAN WILAYAH NEGARA. +DI KUALA LUMPUR SENDIRI MASALAH PENDATANG HARAM INI ADA, TERMASUK YANG DATANG DARIFILIPINA+, TAMBAHNYA.

MENGENAI KADAR BAYARAN ELEKTRIK YANG BERBEZA DI SEMENANJUNG DAN SABAH/SARAWAK, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MENGARAHKAN SUPAYA IA DIKAJI UNTUK MEMASTIKANSEBAB-SEBABNYA, SEBELUM APA-APA KEPUTUSAN DIAMBIL KELAK. -- LAGI.

1739MST 29 09 89

U 8420 DEB
MAHATHXR - SYARAT 3 KOTA KINABALU

MENGENAI PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN BELIAU MASIH BELUM DAPAT MENENTUKAN BILA IA AKAN DIADAKAN, SEHUA JENTERA BARISAN NASIONAL TERMASUK PARTI-PARTI KOHPONENNYA SUDAH 100 PERATUS BERSEDAIA UNTUK MENGHADAPINYA PADA BILA-BILA MASA SAHAJA.

KETIKA DITANYA MENGENAI KESILAPAN DALAM DAFTAR PENGUNDI, SEPERTI YANG DITIMBULKAN OLEH PEMUDA PBS BAHAWA ADA YANG DIDAFTARKAN LEBIH DARLPADA SEKALI DAN ADA NAMA ATAU NOMBOR KAD PENGENALAN YANG SAMA DAN BERULANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB:

+INI BUKAN HANYA BERLAKU DI SABAH. ITULAH SEBABNYA, SELEPAS PENDAFTARAN BARU PENGUNDI, NAMA-MANAITU DIPAMERKAN UNTUK SEMAKAN ORANG RAMAI SEBELUM DAFTAR BARU DIBUAT.

+JIKAPADA MASA SEMAKAN ITU DIADAKAN TIDAK DITERIMA APA-APA ADUAN, MAKA KESALAHAN YANG ADA AKAN TERUS TINGGAL DEMIKIAN+.

DATUK SERI DA MAHATHIR JUGAMENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA MENGGUNAKAN PELUANG YANG DIBERI UNTUK PENYEMAKAN ITU AGAR KESILAPAN SEPERTI YANG DILAPORKAN ITU TIDAK BERLAKU LAGI.

PERDANA MENTERI JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN YANG TINGGI ATASSAMBUTANMERIAH YANG DIBERI KEPADA BELIAU OLEH RAKYAT SABAH.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI PAIRIN, TIMBALAN KETUA MENTERI DATUK AHMADBAHRUM ABU BAKAR TITINGAN, SPEAKER DUN DATUK HABSAN ALBAN SANDUKONG DAN PEMIMPIN KERAJAAN NEGERI YANG LAIN. -- BERNAMA.
1750MST 29 09 89